

18 DEC 1997

Mahathir-kualiti (Bergambar)

HOSPITAL, HOTEL DAN PERSATUAN BELIA RAIH ANUGERAH PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Sebuah hospital kerajaan, sebuah hotel bertaraf lima bintang dan sebuah persatuan belia di rancangan Felda masing-masing memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri hari ini kerana pengurusan cemerlang.

Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan memenangi anugerah itu bagi sektor awam, Hotel Shangri-La Kuala Lumpur bagi sektor swasta dan Persatuan Belia Rahmat Felda Lembah Klau, Raub, Pahang bagi sektor sosio-ekonomi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan anugerah berkenaan, yang diperkenalkan sejak 1990, kepada para pemenang di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini. Setiap pemenang itu menerima RM30,000, sebuah piala dan sijil penghargaan.

Dalam ucapannya Dr Mahathir berkata kecemerlangan ketiga-tiga pemenang itu perlu dijadikan teladan kerana kejayaan mereka dicapai setelah melalui pelbagai dugaan.

"Daripada pengalaman ini, kita bukan sahaja dapat belajar daripada kekuatan mereka yang berjaya tetapi juga kesilapan yang telah dilakukan," katanya.

"Hakikat itu adalah benar dalam semua bidang dan relevan kepada semua bentuk organisasi malah kepada sesebuah negara," katanya.

Beliau memberikan contoh Jepun, yang kini berjaya melonjak ke mercu ekonomi dunia kerana tidak jemu-jemu berusaha meningkatkan kecemerlangannya sepanjang masa berasaskan prinsip Kaizen.

Menurutnya kejayaan Jepun memberi beberapa pengajaran termasuk perlunya belajar daripada mereka yang telah berjaya.

"Kita harus menambah nilai ilmu dan pengalaman yang diperolehi dan memanfaatkannya mengikut acuan kita sendiri, secocok dengan visi dan aspirasi kita yang berteraskan nilai dan budaya masyarakat dan organisasi kita," katanya.

-- BERNAMA

AZZ NAK